

# PM harap hasil pelancongan lebih RM36b

BH 27 JUL 2002

Oleh Kadir Dikoh

GENTING HIGHLANDS, **Jumaat** - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap sektor pelancongan Malaysia mencatat pulangan tahunan asing melebihi RM36 bilion tahun ini.

Perdana Menteri berkata, tahun lalu, 12.77 juta pelancong melawat negara ini dan berbelanja sebanyak RM36 bilion, iaitu jumlah kedatangan pelancong dan hasil tertinggi pernah dicapai.

"Sasaran kita tahun ini, kita harap boleh dapat lebih kurang sama. Kecuali Januari dan Februari lalu, kedatangan pelancong setiap bulan ke negara ini sudah meningkat lebih sejuta orang.

"Februari kita tak dapat ramai kerana bahang kejadian 11 September tahun lalu.

"Sekarang ini sudah meningkat lebih sejuta sebu-

lan dan kita harap pencapaian kita tahun ini tidaklah kurang sangat daripada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Hotel First World di sini petang ini.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Pengerusi Kumpulan Genting, Tan Sri Lim Goh Tong.

Dr Mahathir dan isteri kemudian dibawa melawat sekitar hotel dan pusat beli-belah sebelum menghadiri jamuan malam.

Hotel milik Resort World Berhad yang terletak di puncak Genting Highlands bakal menjadi hotel terbesar di dunia apabila siap sepenuhnya pada 2005 dengan 6,300 bilik- dan

mampu menampung lebih 12,000 tetamu.

Ketika ini, 2,300 bilik sudah disiapkan mengikut fasa pertama membabitkan pelaburan RM1.2 bilion

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak bergantung kepada media asing untuk mempromosikan negara ini kerana memang sudah menjadi niat mereka membungkus nama negara dengan pelbagai pembohongan.

Beliau turut menegur media tempatan yang baru-baru ini menyiarkan berita penyakit meningitis secara besar-besaran sehingga boleh menjejaskan sektor pelancongan.

"Anda (media) memperkecilkan 'negara, seolah-olah anda mahu negara ini rosak. Saya tak faham pemikiran media. Kita cuba mempromosikan negara ini, tetapi media buat se-

baliknya. Media itu sendiri tidak wujud jika negara ini tidak maju," katanya.

Mengenai projek hotel itu beliau berkata, ia membantu menggerakkan ekonomi negara dan pengusaha yang berminat boleh membuka pusat perangi-

nan seperti di tepi pantai kerana peluang terbuka untuk semua.

Katanya, kedatangan pelancong meningkat dengan ada projek perhotelan dan taman tema, sekali gus menyumbang kepada pemulihan ekonomi.

"Sebenarnya semasa ke-

melesetan ekonomi (dulu), anda (pengusaha) harus memulakan kerja untuk pemulihan. Anda harus bina bangunan semasa meleset supaya membantu pemulihan ekonomi.

"Kalau kita belum mula bina Putrajaya semasa meleset, banyak kontraktor

akan jadi mufliis," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata beliau tidak kisah dilabelkan media asing sebagai orang yang paling dibenci di Malaysia asalkan negara mendapat faedah daripada kedatangan pelancong ke negara ini.